

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB TUAN CHAN FOONG HIN [KOTA KINABALU]
TARIKH : 28 JULAI 2020

SOALAN

YB Tuan Chan Foong Hin [Kota Kinabalu] minta PERDANA MENTERI menyatakan bagi Kabinet yang diumumkan pada 9 Mac 2020, terdapat 70 orang keseluruhannya yang merangkumi seorang Perdana Menteri, 31 Menteri dan 38 Timbalan Menteri, Apakah penambahan kos emolumen, elaun dan lain-lain untuk kabinet PN berbanding dengan kabinet PH sebelum ini.

JAWAPAN: [YB DATO' TAKIYUDDIN BIN HASAN, MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI]

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Anggota Pentadbiran Kerajaan di bawah Perikatan Nasional menerima jumlah saraan yang sama seperti mana yang dinikmati oleh Anggota Pentadbiran di bawah pentadbiran Pakatan Harapan serta Barisan Nasional. Ini kerana apa-apa yang dibayar atau diberikan adalah seperti mana yang termaktub di bawah Akta Ahli Parlimen (Saraan) 1980 atau Akta 237.

Sekian, terima kasih.